

Kadir Jasin berpuisi pertahan Tun Mahathir
Astro Awani
April 16, 2015

KUALA LUMPUR: Suara dan pandangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tidak boleh disekat sesiapa atau dihalang mana-mana pihak terutama di dalam politik negara.

Tokoh Wartawan Kebangsaan, Datuk A Kadir Jasin berkata, tiada kuasa atau rintangan dapat menghalang Dr Mahathir dari terus bersuara dan mempertahankan maruah negara.

"Engkau tidak keseorangan. Suaramu tidak hilang dalam keriuhan. Amanatmu tidak pudar kerana cemuhan. Atau dilenyapkan oleh sejuta tuduhan.

"Biarkan mereka mengutuk mencacimu. Biarkan mereka menyumpah seranah namamu. Memanggilmu orang tua gila. Kerana azammu membela bangsa dan negara. Kerana pedulimu kepada rakyat jelata.

"Biarkan mereka mendabik dada. Biarkan mereka tunjuk perkasa. Kerana kekuatanmu bukan pada senjata.

Bukan pada penyokong palsu berjuta. Bukan pada kedudukan dan kuasa.

Tetapi pada azam sekeras waja. Pada minda yang tiada taranya," katanya dalam catatan terbaharunya dalam bentuk puisi di blognya.

Katanya, Dr Mahathir juga tidak pernah berseorangan seperti yang diluahkan di dalam blog chedet.cc baru-baru ini.

Ujarnya, Dr Mahathir mempunyai ramai sahabat yang akan memberi sokongan walau apa juga yang terjadi.

"Engkau keseorangan ..bersendirian? Jauh sekali, umpama air dengan api. Engkau punya ramai kawan dan teman. Engkau punya anak-anak yang cintanya sejati. Generasi yang engkau didik dan besarkan. Dengan idealisme dan perjuangan. Merekalah bala tenteramu. Merekalah pengarak panji-panjimu. Merekalah peniup nafirimu. Merekalah pemalu genderang perangmu.

"Perjuangan-mu belum selesai. Bahtera kita dilanda ombak badai. Bahtera merdeka pusaka ibunda. Yang kita bina dengan keringat dan air mata. Berdosalah kita seandainya ia terkandas. Dirampas dirampok tangan-tangan ganas," jelasnya dalam puisi berkenaan.

Katanya lagi, sejarah silam negara tidak lagi bermakna jika bangsa sendiri terpinggir,

dipersenda dan dilupakan.

"Perjuanganmu belum selesai. Jangan biarkan hati anak-anakmu terlerai. Jangan biarkan negara kita hancur berkecai. Insya-Allah hasrat murni kita akan tercapai," ujarnya.

Sebelum ini, [aktres jelita, Rozita Che Wan](#) atau lebih dikenali dengan panggilan Che Ta dan penyanyi nombor satu negara, Datuk Siti Nurhaliza Tarudin turut menyatakan sokongan terbuka mereka kepada Dr Mahathir di laman Instagram masing-masing.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2015 (535275-D). All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadir-jasin-berpuisi-pertahan-tun-mahathir-57959>
<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kadir-jasin-berpuisi-pertahan-tun-mahathir-57959>